

MINGGU SUAI MESRA PROGRAM BIOTEKNOLOGI SESI 2015/2016

Artikel oleh: Ainol Azifa Bt Mohd Faik

Minggu Suai Mesra Sesi 2015/2016 merupakan satu program perjumpaan dan penyampaian taklimat ringkas kepada para pelajar baharu program Bioteknologi. Program ini telah diadakan pada 4 September 2015 bertempat di BT51, FSSA. Program ini dihadiri oleh para pensyarah dari program Bioteknologi berserta 35 orang pelajar baharu termasuk dua pelajar antarabangsa. Pada permulaan sesi perjumpaan ini, Ketua Program Bioteknologi, Cik Hartinie Marbawi telah menyampaikan taklimat ringkas berkaitan struktur pengajian dan juga memperkenalkan para pensyarah serta kakitangan sokongan. Para pensyarah turut memberikan khidmat nasihat dan pesanan berbentuk motivasi kepada para pelajar. Menerusi aktiviti ini para pelajar berpeluang untuk mendapatkan maklumat lanjut berkaitan aktiviti pembelajaran, memperolehi maklumat terperinci berkaitan struktur pengajian, memahami dengan lebih mendalam kursus-kursus yang akan diikuti sepanjang pengajian dan membimbing pelajar mengenai prospek kerjaya selepas tamat pengajian kelak. Tahniah dan selamat datang ke FSSA amnya dan ke program Bioteknologi khususnya. Selamat mengikuti pengajian diucapkan kepada para pelajar tahun pertama program Bioteknologi Sesi 2015/2016.





